

**UNTUK SIARAN SEGERA
KENYATAAN MEDIA**



**ANAK SYARIKAT UDA - ANCASA HOTEL AMBIL LANGKAH
PROAKTIF ATASI WABAK COVID-19**

Kuala Lumpur, 3 Mac 2020 - Lanjutan daripada kenyataan rasmi yang dikeluarkan oleh UDA Holdings Berhad (UDA) semalam, AnCasa Hotel Kuala Lumpur (AHKL) ingin memaklumkan perkembangan terkini di AHKL.

Pihak AHKL telah mengambil langkah proaktif dengan melakukan pembersihan (sanitize) di seluruh bangunan AHKL pada petang semalam. Langkah ini adalah salah satu usaha AHKL dalam mengutamakan keselamatan dan tahap kesihatan *in-house guest* dan seluruh kakitangan.

Selain itu, AHKL turut komited melaksanakan langkah-langkah perlu mengikut saranan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi mengatasi penularan wabak coronavirus (Covid-19) di seluruh bangunan. Salah satu langkah yang diambil adalah dengan melaksanakan pemeriksaan suhu di lobi hotel dan penyediaan pembasmi kuman tangan (*hand sanitizer*) di lokasi-lokasi strategik sekitar hotel. Selain itu, AHKL turut melaksanakan pembersihan menggunakan *sanitizer* secara berkala selain mewajibkan kakitangan memakai *mask* dan kekerapan menggunakan *hand sanitizer* diutamakan.

Pihak AHKL turut menegaskan tiada kes dilaporkan membabitkan *in-house guest* dan kakitangan sehingga ke hari ini.

TAMAT

Sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

- **Radziah Mohamed Fadzil** | radziah@udanet.com | +6017 337 7630
- **Melinda Marie Ambrose** | melinda@ancasahotels.com | +6016 263 9076

AnCasa Hotel Kuala Lumpur (Anak Syarikat UDA Holdings Berhad)
Jalan Tun Tan Cheng Lock,
City Centre, 50500 Kuala Lumpur,
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
Tel : 03-2026 6060